



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
16 JANUARI 2019 (RABU)

AKHBAR

MUKA SURAT

Sinar Harian

- | | |
|---------------------------------------|----|
| - Kongsi ilmu penjagaan kanak-kanak | 23 |
| - Program Search and Destroy berkesan | 23 |
| - Kafe tetap kene roboh | 23 |
| - Vaksin wabak rabies mencukupi | 24 |

Berita Harian

- | | |
|---|----|
| - Syarikat import sisa plastic kena fi, caj | 04 |
|---|----|

Harian Metro

- | | |
|---|----|
| - Henti import 'sampah' | 21 |
| - Pemilik haiwan diminta beri kerjasama | 22 |



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 16 JANUARI 2019 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kongsi ilmu penjagaan kanak-kanak
Muka Surat	23

HUBUNGI SKUAD AMPANG / HULU LANGAT: ISMADI ISMAIL- 019 3371003 / 019 6680275

314 16/1/19 Ms 23

Kongsi ilmu penjagaan kanak-kanak

PANDAN INDAH - Kerajaan Selangor mengadakan Kursus Intensif Perkembangan Kanak-Kanak dalam usaha meningkatkan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dengan lebih sistematik.

Penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) N21 Pandan Indah, Norashimah Saad berkata, 40 peserta terdiri daripada pengusaha taska dan suri rumah yang mengasuh anak-anak di rumah diberi peluang menyertai kursus tersebut.

"Peserta sekitar Pandan Indah dan Sepang mengikuti pelbagai aspek penjagaan anak asuhan mereka. Ini bagi meningkatkan kualiti dan penjagaan berkesan anak-anak di rumah.

"Antara penekanannya ialah mewujudkan jadual pengurusan harian untuk kanak-kanak, pada waktu apa kanak-kanak itu perlu makan, mandi atau bermain," katanya.

Beliau berkata, pihaknya dimaklumkan kursus tersebut turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Kursus ini juga menggalakkan peserta mendaftar pusat asuhan mereka selain memudahkan agensi berkaitan membuat pemantauan," katanya.

Sementara itu, Adun Pandan Indah, Ir Izham Hashim berkata, penglibatan JKM dan Jabatan Kesihatan dalam program tersebut juga penting.

"Agensi berkaitan dapat memantau aspek penjagaan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak. Taska dan pusat penjagaan kanak-kanak ini perlu diberi perhatian semua pihak," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 16 JANUARI 2019 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Program Search and Destroy berkesan
Muka Surat	23

SH 16/1/19 M/s 23.

Program Search and Destroy berkesan



Penduduk dan wakil Prolintas yang bekerjasama membasmi lokasi pembiakan nyamuk aedes.

PANDAN INDAH - Tiada kes denggi terbaru di Taman Bukit Teratai selepas Program Search and Destroy dilaksanakan.

Pegawai Khas Adun Teratai, Mohd Firdaus Babh berkata, sebelum itu sebanyak tujuh kes denggi dan satu kompaun dikeluarkan.

Menurutnya, tindakan tegas akan dilaksanakan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat bagi memastikan masyarakat tidak 'membiakan' aedes di kawasan mereka.

"Saya dimaklumkan kompaun sebanyak RM500 mengikut Akta Serangga bakal dikenakan bagi setiap 'hots-pot' yang dikenal pasti sebagai tempat pembiakan aedes," katanya pada Program Membasmi Lokasi Aedes Bersama Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd (Prolintas) di Taman Melur di sini.

Beliau berkata, dua kes denggi dicatatkan di taman itu dua minggu lalu dan ia dianggap serius.

"Kita telah melaksanakan program mencari dan memusnahkan tempat pembiakan jentik-jentik melalui gotong-royong mengutip sampah.

"Selain Prolintas, kita bekerjasama dengan Pusat Khidmat Dun Teratai serta Jawatankuasa Penduduk Zon 23 Majlis Perbandaran Ampang Jaya," katanya.

Mohd Firdaus memberitahu, Program Search and Destroy lebih santai namun matlamatnya sama iaitu membasmi lokasi pembiakan nyamuk aedes.

Justeru, beliau juga mahu penduduk memeriksa dan meluangkan kira-kira 20 minit untuk melihat sekeliling rumah dan membersihkan kawasan yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 16 JANUARI 2019 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Kafe tetap kene roboh
Muka Surat	23

Kafe tetap kene roboh

SH 16/1/19
M/S 23

Peniaga dakwa hilang punca pendapatan

AHMAD ISMADI ISMAIL

TAMAN KERAMAT

"Saya bukan pengemis, saya sendiri mengusahakan kafe ini sejak 20 tahun lalu, namun mereka buat saya macam 'orang luar,'" itu luahan pemilik Cafe Al Hambra, Khuzairy Abu Hasan apabila kafanya, dirobohkan oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), kelmarin.

Khuzairy berkata, dia turut mempersoalkan tindakan MPAJ terhadap peniaga warga asing yang beroperasi di kawasan itu.

"Mereka hanya jawab akan ambil tindakan, tapi bila? Saya mahu berniaga apa dan di mana esok. Ke-

dai dah tak ada," katanya.

Dia berkata, pihaknya mendakwa telah memohon pertolongan daripada individu tertentu, namun tidak dihiraukan.

"Lihat apa yang berlaku ke atas kafe saya, mereka tidak kasihan ke atas nasib diri dan keluarga saya," katanya.

Khuzairy berkata, keuntungan perniagaan yang diperoleh tidak banyak kerana dia hanya menjalankan operasi perniagaan pada jam 5.30 hingga 1 pagi.

"Itu pun bergantung kepada jumlah pelanggan. Duit itulah yang saya guna untuk menyara isteri dan tiga anak," katanya.

Sementara itu, pelanggannya Husen Manap, 60, berkata, dia turut simpati dengan nasib yang menimpa Khuzairy.

"MPAJ juga pernah merobohkan kedai saya di Taman Cahaya satu ketika dulu. Berhampiran gerai saya itu pula ada peniaga warga asing. Apakah pihak berkuasa tempatan sudah mengambil tindakan terhadap mereka?" soalnya.

Husen yang bekerja sebagai pengawal keselamatan berkata, dia terkilan dengan tindakan MPAJ yang sepatutnya menjalankan penguat-

kuasaan secara menyeluruh.

"Ramai peniaga warga asing yang menjalankan operasi secara haram, sepatutnya pihak berkuasa tempatan turut merobohkan premis peniaga warga asing ini," katanya.

Sementara itu, Pegawai Komunikasi Korporat MPAJ, Norhayati Ahmad ketika dihubungi memaklumkan tapak kafe itu adalah rizab dewan milik MPAJ yang kini dalam pembinaan.

Justeru katanya, perobohan kafe itu bertujuan memberi laluan kepada projek berkenaan.

"Tapak tersebut adalah rizab dewan. Keluasan tapak adalah 1.484 meter persegi. Dewan serba guna satu tingkat itu bernilai RM1.5 juta," katanya.

Norhayati berkata, pihaknya telah memberi notis kepada Khuzairy sejak Disember lalu.

"Sepatutnya dia berpindah ke tempat lain, tanah tersebut tiada TOL (Lesen pendudukan sementara) namun saya difahamkan dia telah memohon kepada Pejabat Tanah dan Daerah Gombak.

"Kita juga telah mengadakan perbincangan serta menawarkan unit di medan selera, namun dia menolak tawaran tersebut," katanya.



Khuzairy melihat kafanya yang telah dirobohkan.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 16 JANUARI 2019 (RABU)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Vaksin wabak rabies mencukupi
Muka Surat	24

34
SETEMPAT

RABU 16 JANUARI 2019 • SINAR HARIAN

Vaksin wabak rabies mencukupi

Bekalan telah diagih kepada JPV Perak untuk laksanakan program suntikan

KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

TAIPING

Kerajaan Perak memberi jaminan bekalan vaksin dibekalkan Jabatan Kesihatan Negeri Perak bagi menangani wabak jangkitan rabies atau anjing gila di Mukim Taiping dan Bukit Gantang, ketika ini mencukupi.

Exco Kesihatan, Hal Ehwal Pengguna, Integrasi Nasional dan Sumber Manusia negeri, A Sivanesan berkata, bekalan vaksin itu sudah dibekalkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak bagi membolehkan agensi itu melaksanakan program suntikan vaksin ke atas semua anjing dan kucing dipelihara penduduk di kawasan disyifatkan wabak.

Menurutnya, pihaknya bersama JPV dan pihak berkuasa tempatan (PBT) kini sedang memantau dan memeriksa keadaan setiap anjing dan kucing yang dipelihara tuan di kawasan Taman Seri Kota Pasa Dua, Pokok Assam dan Tupai Business Centre.

"Saya merayu semua pemilik anjing dan kucing di sekitar kawasan diwartakan wabak rabies supaya segera dapatkan suntikan vaksin untuk haiwan peliharaan mereka bagi mengelakkan wabak penyakit itu menular."

"Kesemua agensi kerajaan terli-



Kakitangan JPV Perak sedang merisikodkan maklumat pemeriksaan rumah di kawasan diwartakan wabak rabies.

bat kini sudah berada di kawasan foci bagi melaksanakan segala perancangan mengawal dan membendung penularan jangkitan termasuklah inisiatif melupuskan anjing liar dan suntikan vaksin kepada anjing serta kucing bertuan sejak semalam," katanya sewaktu dihubungi Sinar Harian di sini, semalam.

Wabak masih terkawal

Dalam pada itu, Sivanesan turut menggesa orang ramai tidak perlu khuatir dengan pewartan Mukim Taiping dan Bukit Gantang sebagai kawasan wabak rabies kerana penularan wabak itu masih terkawal.

"Cuma saya ingin menasihati penduduk supaya segera melaporkan kepada PBT sekiranya ternampak anjing liar berkeliaran



A SIVANESAN

di kawasan perumahan masing-masing.

"Bagi mereka yang digigit anjing atau kucing liar, mereka diminta segera mendapatkan rawatan di klinik kesihatan dan hospital berhampiran sebagai langkah pencegahan segera," katanya.

Sementara itu, satu operasi memvaksin haiwan peliharaan di sekitar kawasan bermula wabak dijalankan lebih sepuluh kakitangan JPV Perak bermula jam 8 pagi semalam.

Agensi kerajaan itu turut bertindak melekatkan pelekat berwarna kepada setiap rumah diperiksa di samping memasang rantai khas kepada anjing-anjing bertuan yang sudah diberi suntikan vaksin.

Menurut Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Pokok Assam, Mohd Tajuddin Ahmad, 60, berkata tindakan pewartan kawasan jangkitan rabies sememangnya membimbangkan penduduk setempat.

"Keujudan banyak anjing liar di kawasan kami bukan sahaja mengancam keselamatan penduduk yang melalui jalan taman perumahan, malah turut membunuh ternakan kami," katanya.

Dalam pada pada itu, Adun Pokok Assam, Leow Thye Yih menyeru penduduk bekerjasama dengan PBT dan kesemua agensi kerajaan terlibat untuk menangani wabak rabies termasuk meminta pemilik anjing dan kucing segera mendapatkan vaksin di Pejabat JPV Daerah Taiping.



APAKAH ITU RABIES?

- Rabies ialah penyakit sistem saraf pusat yang disebabkan jangkitan virus Lyssavirus yang menyebabkan keradangan otak.

VIRUS INI MEREBAK DARIPADA HAIWAN TERJANGKIT KEPADA MANUSIA MELALUI:-

1. Luka gigitan haiwan terjangkit.
2. Luka terbuka pada kulit dan daerah mukosa daripada air liur haiwan terjangkit.
3. Cairan atau tisu tubuh daripada haiwan terjangkit.

TANDA & GEJALA RABIES

- Demam
- Sakit dan lenguh pada tempat gigitan
- Kelesuan otot badan
- Sakit kepala

GEJALA BERLAKU APABILA VIRUS MENYERANG SISTEM SARAF PUSAT

- Resah & gelisah
- Perubahan sikap secara tiba-tiba
- Ketiduran
- Ketakutan pada air
- Kesukaran menelan
- Insomnia
- Lumpuh

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

Rabies di Perak terkawal

GOPENG - Penularan wabak rabies atau penyakit anjing gila di negeri ini berada dalam keadaan terkawal.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, ketika ini JPV Perak dan PBT sedang giat meneruskan usaha pengawasan terhadap anjing peliharaan dan anjing liar bagi memastikan wabak berkenaan tidak menular ke kawasan lain.

"Kedua-dua pihak sedang menjalankan usahasama untuk memastikan anjing-anjing ini tidak dijangkiti."

"Ianya bukan satu situasi yang perlu kita terlalu bimbang, tetapi kena ambil tindakan segera dan itiliah yang kerajaan sedang lakukan sekarang," katanya kepada media, semalam.

Bekas berkata, pihaknya telahpun diberikan taklidan oleh Pengarah Veterinar negeri berhubung situasi wabak berkenaan, sebelum menandatangani pewartan mengisytiharkan Mukim Taiping dan Bukit Gantang sebagai kawasan wabak rabies.

Menurutnya, daripada penerangan diberikan didapati, wabak itu bukan berpunca dari negeri ini, tetapi kawasan luar.

"Mukim ini sebelum ini pernah diwartakan sebagai kawasan wabak dan ia berlaku sekali lagi, apapun kita perlu ambil tindakan pengawasan sepertimana kita lakukan sekarang," katanya.

Justeru pihaknya menggesa setiap pemilik anjing peliharaan memastikan haiwan mereka mendapat suntikan di klinik-klinik supaya tiada penularan wabak berlaku.

"Apabila tular ke kawasan lebih besar, ia boleh mendatangkan masalah yang lebih serius."

"Sudah tentulah kita bimbang dengan anak-anak yang bermain di padang permainan, mereka terdedah dengan bahaya diserang anjing yang dijangkiti wabak ini," katanya.



AHMAD FAIZAL



Kakitangan JPV Perak menjalankan pemeriksaan di setiap rumah penduduk yang memelihara anjing di sekitar Taman Seri Kota Pasa Dua, Pokok Assam sambil diiringi Thye Yih (tengah).



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 16 JANUARI 2019 (RABU)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Syarikat import sisa plastic kena fi, caj
Muka Surat	04

Syarikat import sisa plastik kena fi, caj

B4 16/1/19 MS 64.

Putrajaya: Syarikat pengimport sisa plastik akan dikenakan bayaran fi bagi lesen, verifikasi serta caj bagi setiap tan sisa plastik yang mereka import.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata keputusan bagi kadar caj dan bayaran berkenaan akan diputuskan sebulan lagi.

"Selama ini sisa plastik yang diimport ke dalam negara tidak pernah dikenakan cukai, cuma kilang bayar lesen kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), itu sahaja mereka bayar, tapi dari segi cukai import tidak ada.

"Jadi syarat baharu kita akan kenakan bayaran fi untuk lesen, verifikasi dan caj kepada setiap tan yang diimport. Ketika ini kita dalam proses perundangan dan sebulan lagi kita akan tetapkan (kadar)," katanya selepas sesi taklimat bersama orang awam dan badan bukan kerajaan (NGO) di sini, semalam.

Beliau berkata, langkah ke-



Zuraida Kamaruddin

rajaan mengenakan syarat baharu itu bagi memberi pendapatan kepada negara dan pada masa sama pihaknya akan meneruskan semakan terhadap potensi perniagaan berkenaan.

"Sekiranya ia perniagaan yang baik dan bawa hasil kepada negara dan dipantau dengan baik serta syarikat mematuhi peraturan ditetapkan maka ini satu bidang yang boleh kita kembangkan.

"Namun saya harus tegaskan

bahawa plastik yang kita lihat berlambak, dibuang dan kotor itu bukan plastik yang kita bemarkan untuk diimport.

"Tapi saya tidak nafikan bahawa ada pihak (pengimport) yang tidak mengikut peraturan dan membuat pembohongan sewaktu mengisi borang Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Minta JKDM main peranan

"Jadi kita akan minta JKDM untuk mainkan peranan dengan pastikan plastik berkualiti sahaja yang boleh diimport dan kita mensyaratkan pemeriksaan 100 peratus kontena membawa sisa plastik ini," katanya.

Selain itu Zuraida berkata, menteriannya juga akan mengkaji semula denda RM300 yang dikenakan bagi kesalahan kilang plastik haram yang disifatkan terlalu rendah.

"Kesalahan pertama denda RM300 begitu juga denda untuk kesalahan kedua dan ketiga. Se-

dangkan keuntungan yang dijana kilang haram ini tinggi sampai ratusan ribu ringgit. Kita akan kaji akta supaya hukuman lebih berat dikenakan," katanya.

Sementara itu beliau berkata, pihaknya juga masih belum meluluskan sebarang pemberian lesen import (AP) bagi sisa plastik kepada mana-mana syarikat sejak ia dibekukan pada Julai tahun lalu.


"Selepas dibekukan dan permohonan untuk AP dibuka semula, hanya 19 syarikat memohon dan setakat ini kita sudah melawat 13 premis syarikat itu," katanya.

Dalam pada itu mengulas kebimbangan Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Prof Dr Ahmad Ismail berhubung isu negara ini mengimport sisa plastik termasuk dari negara maju, beliau berkata menteriannya akan mengkaji kesan sisa plastik import terhadap kesihatan manusia.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 16 JANUARI 2019 (RABU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Henti import 'sampah'
Muka Surat	21



Henti import 'sampah'

■ Sisa plastik dari luar negara hanya burukkan pencemaran

#m 16/1/19 n/s 21

Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Malaysia tidak wajar mengimport sisa plastik disebabkan sisa bahan itu di negara ini khususnya yang mencemari laut adalah antara tertinggi di dunia.

Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) Prof Dr Ahmad Ismail berkata, ketika ini kedudukan pencemaran laut Malaysia akibat sisa plastik adalah di tempat kelapan dengan China dan Indonesia mendahului.

Beliau yang juga pensyarah Jabatan Biologi, Fakulti Sains, Universiti Putra Malaysia (UPM) berkata, selain itu bukan semua sisa plastik yang diimport termasuk dari Amerika Syarikat (AS) itu boleh dikitar semula.

"Jadi persoalannya apa akan berlaku kepada sisa plastik import yang tidak boleh dikitar semula itu. Tentunya jadi sampah dan bertambahlah lagi sampah di negara ini.

"Ironinya, Malaysia belum lagi mempunyai teknologi pemprosesan bahan plastik dan kawalan pencemaran alam sekitar khususnya untuk bahan berkenaan.

"Justeru, tiada keperluan pun mengimport sisa plastik dari negara maju atau dari

KPKT kaji kesan terhadap kesihatan

Putrajaya: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mengkaji kesan sisa plastik import terhadap kesihatan manusia.

Menterinya Zuraida Kamaruddin berkata, ketika ini tiada kajian khusus mengenainya berkaitan perkara itu.

Beliau berkata demikian mengulas kebimbangan Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) Prof Dr Ahmad Ismail berhubung isu negara ini mengimport sisa plastik termasuk dari negara maju.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, sekiranya ada keperluan mendesak dan isu kesihatan itu serius pihaknya akan mengambil tindakan selanjutnya.

Pada masa sama, katanya, KPKT akan mengkaji semula denda RM300 untuk kesalahan kilang haram.

"Kesalahan pertama denda RM300 begitu

juga denda kesalahan kedua dan ketiga. "Kita akan kaji akta supaya hukuman lebih berat dikenakan," katanya selepas sesi taklimat bersama orang awam dan badan bukan kerajaan (NGO) di sini, semalam.



ZURAIDA

Dalam perkembangan sama, Zuraida berkata, syarikat pengimport sisa plastik akan dikenakan bayaran fi bagi lesen, verifikasi serta caj bagi setiap tan sisa plastik diimport.

Menurutnya, keputusan bagi kadar caj dan bayaran berkenaan diputuskan sebulan lagi.

"Selama ini sisa plastik yang diimport ke dalam negara tidak pernah dikenakan cukai, cuma kilang bayar lesen kepada pihak berkuasa tempatan (PBT), itu saja mereka bayar, tapi dari segi cukai import tidak ada.

"Jadi syarat baharu kita akan dikenakan bayaran fi untuk lesen, verifikasi dan caj kepada setiap tan yang diimport," katanya.

mana-mana negara. Risiko-nya sangat tinggi sekiranya berlaku lambakan sisa plastik import ini," katanya.

Menurutnya, antara risiko itu ialah pencemaran kualiti udara termasuk bahan kimia yang dilepaskan di alam sekitar sehingga menyebabkan gangguan kesihatan

manusia.

Mengulas lanjut, katanya, bahan kimia dihasilkan dari sisa plastik itu jelas mencemari udara, air dan biota tanah.

"Banyak kajian sudah menunjukkan kesan pembakaran sampah khususnya sisa plastik kepada manusia. Antaranya pencemaran kepada susu ibu. Penghasilan etil

diphenyl polybrominated ether (PBDE) dan bahan anti kebakaran yang banyak terdapat di set televisyen dan komputer boleh mengubah hormon seks mengurangkan kesuburan dan membantutkan perkembangan ovari jika terdedah kepadanya secara berpanjangan.

"Saya gesa supaya ada kajian segera dilakukan berhubung kesan negatif sisa plastik yang diimport masuk ke negara kita," katanya.

FAKTA

Bukan semua sisa plastik yang diimport boleh dikitar semula



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 16 JANUARI 2019 (RABU)	
Akhbar	Harian Metro
Tajuk Berita	Pemilik haiwan diminta beri kerjasama
Muka Surat	22

Pemilik haiwan diminta beri kerjasama

Ipoh: Pemilik anjing di daerah Larut Matang dan Selama (LMS) diminta patuh pada arahan dikeluarkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi membendung penularan jangkitan wabak rabies atau anjing gila.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, pemilik juga diminta segera membawa anjing peliharaan masing-masing mendapatkan suntikan pelalian atau vaksin.

“Saya sudah diberi taklimat mengenai perkara ini semalam (kelmarin) sebelum

menandatangani pewartaan LMS termasuk bandar Taiping sebagai kawasan jangkitan rabies.

“Semua pemilik anjing perlu mengambil langkah proaktif bagi mengelak wabak ini menular ke kawasan lain,” katanya di sini semalam.

hm. 16/1/19 n/s 22

VIRUS RABIES

CARA VIRUS DIPINDAHKAN KEPADA ANJING

1. Virus dipindahkan dalam tisu badan menerusi air liur daripada gigitan haiwan pembawa penyakit anjing gila. Dalam tempoh empat hingga 12 minggu virus berkenaan mengeras dalam badan.
2. Virus mengalami proses replikasi dalam otot di tempat yang terkena gigitan.
3. Virus menjangkiti saraf dan bergerak dalam sistem saraf menggunakan pengangkutan axonal songsang.
4. Virus mengalami proses replikasi pada akar saraf pinggang dan bergerak ke atas saraf tunjang ke otak.
5. Otak dijangkiti virus.

CARA VIRUS MEREBAK DALAM BADAN MANUSIA

6. Virus merembak melalui saraf dari otak kepada tisu lain seperti mata, buai, pinggang dan kelenjar air liur.

PEMBAWA VIRUS RABIES

Anjing, Kelawar, Kucing, Kera

LANGKAH BERJAGA-JAGA

- Gunakan vaksin moden seperti sel dikultur atau telur berembrio.
- Elakkan memegang haiwan liar dan haiwan peliharaan sesat terutamanya anjing dan kucing.
- Jika seseorang digigit haiwan yang mungkin dijangkiti rabies atau berhubung kait dengan seseorang yang dijangkiti rabies, segera menghidap rabies, segera bersihkan luka dengan sabun dan air dan dapatkan rawatan doktor dengan segera.